

## KERATAN AKHBAR


(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/6/2016

Muka surat: 11

Taiuk : UNIMAS anjur Majlis Iftar Jamaie



**SERAH...** Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi menyerahkan sumbangan UNIMAS kepada wakil penduduk kampung di Kota Samarahan sambil diperhatikan Naib Canselor UNIMAS, Professor Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi dalam Majlis Iftar Jamaie UNIMAS.

## UNIMAS anjur Majlis Iftar Jamaie

MICHEAL SERING

**KOTA SAMARAHAN:** Unversiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menganjurkan Majlis Iftar Jamaie UNIMAS bagi pelajar dan kakitangannya berbuka puasa, beramai-ramai di Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) di Kampus UNIMAS Kota Samarahan semalam.

Majlis yang dianjurkan PITAS dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor UNIMAS itu juga dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr. Hatta Solhi, Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi serta timbalan naib canselor dan pegawai kanan universiti itu yang lain.

Dalam majlis sama, Persatuan Wanita Universiti Malaysia Sarawak (MASNITA) juga menyampaikan sumbangan wang kepada 25 orang terdiri daripada warga emas, orang kelainan upaya, anak yatim dari Kampung Pinang Jawa di Kuching dan 33 kanakkanak dari Madrasah Darul Ulum serta 11 pelajar UNIMAS.

Selain itu, PITAS turut menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan dapur kepada 20 keluarga dari Kampung Muara Tuang, Kampung Sindang, Kampung Tanjung Tuang, Kampung Niup dan Kampung Melayu di Kota Samarahan.

Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato Dr. Mohamad Kadim Suaidi dalam ucapannya berkata majlis terbabit tahun ini diadakan dalam suasana pelajar

UNIMAS sedang menghadapi peperiksaan akhir mereka.

"Minggu peperiksaan baharu sahaja bermula, ini bermakna sebahagian mereka akan menjalani Ramadan di UNIMAS sehingga ke hujungnya.

"Di samping menghadapi peperiksaan akhir, diharapkan pelajar dapat mengambil peluang Ramadan ini dengan menggunakan kemudahan di PITAS bagi aktiviti seperti bersolat, berdiskusi dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata, UNIMAS juga sedang dalam proses pembangunan tender untuk menaik taraf hiasan dalaman dewan solat di PITAS serta menambah Meh-rab dan hiasan khat di sekeliling kubahnya supaya menjadikan suasana dewan lebih indah.

Disedi  
Bahag